

Headline	<b>Pelaksanaan hukuman mati masih lagi relevan</b>	Language	<b>Malay</b>
Date	<b>21 Sep 2010</b>	Page No	<b>18</b>
MediaTitle	<b>Berita Harian</b>	Article Size	<b>428 cm<sup>2</sup></b>
Section	<b>Nasional</b>	Color	<b>Black/white</b>
Journalist	<b>N/A</b>	ADValue	<b>12,122</b>
Frequency	<b>Daily</b>	PRValue	<b>36,365</b>
Circ / Read	<b>192,982 / 1,521,000</b>		



# Pelaksanaan hukuman mati masih lagi relevan

## Pencabulan hak asasi tak berlaku jika kes berjalan secara adil

**A**DAKAH Malaysia harus mengekalkan hukuman mati? Mungkin ada yang menganggap ini soalan klise kerana perdebatan mengenai hukuman mati sudah lama berlangsung dan banyak pendapat yang diketengahkan.

Namun hakikatnya perdebatan ini tidak akan berakhir atas beberapa alasan tertentu. Alasan utama, termasuk tuntutan prinsip yang diketengahkan menerusi hujah hak asasi.

Pihak yang memperjuangkan hak asasi menganggap hukuman mati sebagai satu penganiayaan dan ia adalah hukuman yang tidak berperikemanusiaan. Mereka juga menganggap hukuman mati adalah satu bentuk pembunuhan diiktiraf undang-undang yang juga bersifat kejam. Pada pandangan kelompok ini hanya Tuhan saja yang berhak mengambil nyawa seseorang, bukan seorang manusia yang lain.

Ada juga yang berhujah bahawa seorang hakim mungkin melakukan kesilapan di dalam membuat keputusan menghukum dengan hukuman mati. Lantas, dihujahkan bahawa sekiranya seseorang itu dihukum mati, maka peluang untuk memberi remedi kepada kesilapan itu sudah tidak ada lagi.

Namun, dengan bersandarkan alasan tersendiri, ramai masih menyokong pengekalan atau kewujudan hukuman mati. Hujah yang dikemukakan ialah, antara lain bagi mengenakan balasan ke atas perlakuan salah yang dilakukan pesalah. Penjenayah itu perlu dihukum atas perbuatannya yang menyalahi aturan sistem kemasyarakatan.

Selain itu, hak mangsa jenayah hendaklah sentiasa diutamakan daripada hak penjenayah. Dalam kata lain, pendekatan yang perlu diberi perhatian ialah dengan memberi perhatian kepada hak mangsa jenayah dan bukan semata-mata hak pesalah seperti pendekatan yang diambil oleh pihak yang menolak hukuman mati.

Dalam konsep undang-undang jenayah, kedudukan mangsa di dalam sesuatu perbuatan jenayah hendaklah sentiasa diambil perhatian dalam menentukan kadar atau bentuk hukuman yang ditentukan mahkamah. Saya lebih cenderung kepada pandangan ini.

Perlu diingat bahawa apa jua hukuman dikenakan ke atas seorang pesalah

Headline	<b>Pelaksanaan hukuman mati masih lagi relevan</b>	Language	<b>Malay</b>
Date	<b>21 Sep 2010</b>	Page No	<b>18</b>
MediaTitle	<b>Berita Harian</b>	Article Size	<b>428 cm<sup>2</sup></b>
Section	<b>Nasional</b>	Color	<b>Black/white</b>
Journalist	<b>N/A</b>	ADValue	<b>12,122</b>
Frequency	<b>Daily</b>	PRValue	<b>36,365</b>
Circ / Read	<b>192,982 / 1,521,000</b>		

ia sudah melalui proses perbicaraan dan proses pembuktian di mahkamah. Mahkamah mempunyai prosedur dan sistem keterangan yang tertentu. Proses ini seharusnya mengambil kira semua aspek berkaitan kesalahan yang didakwa. Selepas menjalani proses ini, mahkamah akan membuat keputusan berkaitan hukuman.

Dalam menentukan jenis dan tahap hukuman, mahkamah semestinya mengambil kira kepentingan individu mangsa jenayah dan darjah kekerasan yang dilakukan penjenayah ketika melakukan perbuatan jenayah itu.

Dalam banyak kes di Malaysia, mahkamah juga perlu mengambil perhatian kepada kesan perlakuan jenayah yang dilakukan ke atas masyarakat keselu-

ruhannya, umpamanya dalam kes yang membabitkan pengedaran dadah.

Sekiranya dikatakan seseorang hakim itu tersilap dalam menghukum seseorang masalah ini sepatutnya boleh diatasi dengan membuat perubahan yang perlu ke atas perkara berkaitan pembuktian, seperti tahap dan jenis pembuktian.

Umpamanya dalam menentukan tahap pembuktian, seorang hakim hendaklah benar-benar yakin, tanpa sebarang elemen keraguan bahawa tertuduh, melalui bukti yang dikemukakan adalah bersalah. Keyakinan itu bukanlah sekadar melangkaui keraguan munasabah (beyond any reasonable doubt), tetapi seharusnya mencapai suatu tahap tanpa sebarang keraguan (beyond any shadow of doubt).

Tahap pembuktian yang tinggi ini secara langsung dapat membantu hakim daripada melakukan kesilapan di dalam menentukan tahap dan sifat hukuman yang dikenakan.

Walaupun ada banyak negara di dunia yang menolak atau menghapuskan hukuman mati, ia tidak semestinya menjadi ikatan atau ikutan ke atas Ma-

laysia. Negara ini tidak perlu meniru atau mengikut saja tindakan atau pendekatan negara berkenaan.

Malaysia adalah negara merdeka dan berdaulat. Malaysia mempunyai prinsip berkaitan perundangan yang tersendiri. Selepas lebih 50 tahun mencapai kemerdekaan, Malaysia sudah berjaya sedikit sebanyak membentuk jati diri berkaitan aspek perundangan negara. Umpamanya, Malaysia berjaya menghapuskan rayuan ke Majlis Privy dan perbicaraan sistem juri. Oleh itu, Malaysia seharusnya yakin dengan sis-

tem yang ada dan diamalkan selama ini.

Sekiranya Malaysia perlukan perubahan berkaitan hukuman mati, ia mestilah berdasarkan kehendak masyarakat dan falsafah perundangan yang diamal di negara ini. Sebolehnya perubahan itu harus bebas daripada kontroversi yang berpanjangan.

Walaupun banyak negara di dunia sudah menghapuskan hukuman mati, keperluan untuk mengamalkan hukuman mati tetap menjadi isu. Ramai rakyat di negara berkenaan yang masih lagi menyokong hukuman mati, terutama ke atas perlakuan keganasan yang melampau atau kejam dan juga jenayah kejam yang membabitkan kanak-kanak atau warga tua sebagai mangsa.

Malaysia juga akan menempuh masalah sama sekiranya hukuman mati dihapuskan sepenuhnya. Kita juga tahu dalam banyak kes ketika masyarakat Malaysia mahukan hukuman mati ke atas perogol, terutama yang menjadikan kanak-kanak sebagai mangsa atau penjenayah yang menggunakan kekerasan atau senjata api.

Walaupun menyokong pengekaln hukuman mati bagi kesalahan berat di negara ini, hukuman mati tidak semestinya menjadi pilihan utama. Mungkin juga hukuman mati mandatori bagi sesetengah kesalahan perlu dianalisis kembali.

Hukuman mati mandatori tidak memberi ruang kepada mahkamah untuk memilih tahap dan jenis hukuman selepas memberi perhatian yang sewajarnya kepada keadaan pesalah dan juga keadaan semasa kesalahan terbabit dilakukan.

Selain itu, tahap pembuktian yang tinggi harus menjadi pokok perbincangan untuk meneruskan hukuman mati di negara ini. Dalam kata lain, sistem perbicaraan dan undang-undang ketetapan di mahkamah juga perlu diberikan perhatian yang sewajarnya. Ini bagi memastikan hukuman mati yang dikenakan adalah hukuman yang wajar dan tidak dilihat sebagai satu pencabulan ke atas hak asasi seorang pesalah.

Penulis ialah Penolong  
Profesor Kulliyyah Undang-Undang  
Ahmad Ibrahim, Universiti Islam  
Antarabangsa Malaysia (UIAM)

“*Sekiranya  
Malaysia  
perlu perubahan  
berkaitan hukuman mati,  
ia mestilah berdasarkan  
kehendak masyarakat  
dan falsafah perundangan  
yang diamal di negara ini*”

